

10/11/1997

Kemerosotan majoriti perlu dianalisis

KUALA LUMPUR, Ahad - Kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap dan Changkat Jering membuktikan keyakinan rakyat kepada teraju kepemimpinan negara dalam menangani masalah ekonomi.

Bagaimanapun, mereka berharap pucuk pimpinan BN mengadakan analisis mengenai kemerosotan majoriti yang diperolehi oleh kedua-dua calon selain merangka strategi menarik lebih ramai pengundi keluar mengundi.

Di KEPALA BATAS, Ketua Umno Bahagian Kepala Batas, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kemenangan calon BN dengan majoriti berkurangan adalah satu petanda jelas rakyat tidak kira kaum atau agama, sememangnya tidak berpuas hati dengan tahap pembangunan yang dicapai setakat ini.

Beliau berkata, kerajaan perlu mengambil iktibar daripada pengalaman dalam pilihan raya kecil Sungai Bakap, Sabtu lalu dan mempertingkatkan usaha ke arah memperbaiki kualiti hidup rakyat.

"Bagaimanapun, satu analisis terperinci dan menyeluruh serta benar-benar objektif perlu diadakan terlebih dahulu sebelum sebarang ketetapan dibuat mengenai keputusan pilihan raya kecil bagi kerusi DUN Sungai Bakap.

"Pelbagai aspek perlu diberi pertimbangan secara meluas termasuk jumlah pengundi yang berkurangan berbanding keseluruhan penduduk kawasan terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kadun Bertam di Kompleks Perniagaan Permatang Manggis di sini, hari ini.

Dalam pilihan raya kecil semalam, Lai mendapat 5,010 undi, menewaskan calon DAP, Goh Kheng Huat, dengan majoriti 1,440 undi. Goh mendapat 3,570 undi, calon Bebas, Abu Harith Ahmad mendapat 1,758 undi.

Bagaimanapun, calon Bebas K Ganesh yang menarik diri Rabu lalu hanya mendapat 26 undi dan hilang wang pertaruhan manakala 230 undi rosak.

Bagi kerusi DUN Changkat Jering, Mat Isa menewaskan calon Pas, Idris Ahmad dengan majoriti 3,544 undi. Mat Isa memperolehi 7,221 undi, Idris memungut 3,677 undi manakala 158 undi rosak.

Menurut Abdullah, sikap dingin penduduk kawasan Sungai Bakap mungkin disebabkan pilihan raya kecil itu bukannya untuk menentukan teraju kepemimpinan kerajaan dan pengundi tidak begitu ghairah untuk keluar mengundi.

Di ibu kota, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, meminta pucuk pimpinan BN supaya mengkaji semula strategi untuk menarik lebih ramai pengundi membuang undi.

"Sekarang seperti menjadi satu trend baru di kalangan pengundi apabila ramai yang tidak keluar mengundi. Ini tidak boleh jadi... kerana mereka tidak melaksanakan hak sebagai pengundi," katanya.

Bercakap kepada pemberita ketika menghadiri majlis rumah terbuka Deepavali Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk G Palanivel, beliau berkata, jika mereka tidak keluar mengundi, pembangkang sudah pasti mengambil kesempatan daripada situasi itu.

Di BUKIT MERTAJAM, Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata kemenangan itu lebih istimewa berikutan negara kini menghadapi masalah ekonomi dan krisis mata wang.

Katanya, kemenangan itu membuktikan pengundi masih menaruh kepercayaan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menangani masalah yang dihadapi

negara kini.

"Kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada kedua-dua pemimpin itu diperlukan khususnya ketika negara menghadapi masalah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Malam Mesra Bomba Sukarela kawasan Bukit Mertajam di sini semalam.

Di PADANG BESAR, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata kemenangan calon BN dalam pilihan raya kecil DUN Sungai Bakap dan Changkat Jering, adalah hadiah kepada Dr Mahathir.

Beliau berkata, kejayaan itu membuktikan sokongan pengundi dan parti komponen BN terhadap Dr Mahathir tetap utuh dan menyangkal dakwaan media asing kononnya Perdana Menteri semakin kehilangan 'pengaruh, kuasa dan taring' di dalam negaranya, akibat percaturan menangani kejatuhan nilai ringgit.

Di KOTA BHARU, Naib Pengerusi Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata taktik pembangkang menggunakan isu krisis ekonomi dan masalah kewangan negara tidak menggerakkan pengundi untuk menolak kepercayaan terhadap kewibawaan BN.

"(Dalam keadaan ini) memang bukan senang untuk menang dan kita bersyukur dengan majoriti selesa yang diperolehi oleh kedua-dua calon.

"Jelas, pengundi tidak termakan dengan isu krisis ekonomi yang hebat dibawa pembangkang dan rakyat masih bersama kerajaan dalam mengharungi keadaan sukar ini," katanya selepas merasmikan cawangan Malaysia National Insurance (MNI) Takaful di sini, hari ini.

(END)